



10 JUL, 2024

Fama Fest catat jualan RM24.2 juta

SelangorKini, Malaysia

Manfaat 2,180 usahawan

Fama Fest catat jualan RM24.2 juta

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

KLANG - Sebanyak RM24.2 juta nilai jualan dicatat dalam Fama Fest anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sejak 2017 hingga tahun lalu sekali gus memanfaatkan 2,180 usahawan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan program berkenaan membantu memperluas pasaran serta meningkat-



kan pendapatan pengeluar makanan. Katanya, program yang diadakan di Perak, Sarawak, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Sabah, Kelantan dan Kuala Lumpur menyasar jualan RM7.85 juta melibatkan 755 usahawan pada tahun ini. "Selangor lokasi keempat tahun ini yang kita sasar potensi jualan RM750,000 dan memberi manfaat kepada 200 usahawan.

"Pengguna pula memperoleh produk berasaskan pertanian dan in-

dustri asas tani pada harga berpatutan," katanya sempena Fama Fest 2024 di sini pada 29 Jun.

Berlangsung empat hari sejak 27 Jun, program itu menawarkan pelbagai jualan seperti makanan segar, menu masakan warisan Melayu, jualan beras putih tempatan serta produk agromakanan.

Menurut Mohamad, acara itu membantu usahawan tempatan mengeksport produk melalui sesi padanan melibatkan ejen dari United Kingdom, Hong Kong dan Kemboja dengan potensi jualan RM3 juta.



10 JUL, 2024

Fama Fest catat jualan RM24.2 juta

SelangorKini, Malaysia

SUMMARIES

Manfaat 2,180 usahawan

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR KLANG - Sebanyak RM24.2 juta nilai jualan dicatat dalam Fama Fest anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sejak 2017 hingga tahun lalu sekali gus memanfaatkan 2,180 usahawan.Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan program berkenaan membantu memperluas pasaran serta meningkatkanpendapatan pengeluar makanan.Katanya, program yang diadakan di Perak, Sarawak, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Sabah, Kelantan dan Kuala Lumpur menyasar jualan RM7.